

26 JUL 2003

Mahathir-Kebebasan/I

DR M CADANG KEBEBASAN DISEKAT DEMI NILAI MORAL MASYARAKAT

KUALA LUMPUR, 26 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata, perlu ada had tertentu dalam segala bentuk kebebasan yang boleh mengancam nilai-nilai moral masyarakat.

Beliau berkata, gaya hidup baru telah merosakkan minda rakyat seperti pendedahan kepada bahan-bahan lucah sebagai contoh telah memengaruhi golongan muda-mudi untuk melakukan jenayah seks.

"Masyarakat tidak perlu melaluinya. Saya masih percaya kita perlu hadkan bentuk kebebasan yang sangat menjejaskan nilai-nilai moral," kata beliau dalam persidangan berita selepas melancarkan 'Gerakan Daya Wawasan' di sini.

Beliau diminta mengulas laporan berita mengenai peningkatan kes-kes jenayah membabitkan golongan muda dalam masyarakat hari ini.

Dr Mahathir berkata, jenayah seperti itu tidak banyak berlaku sebelum ini kerana masyarakat pada masa itu rendah hati dan berpegang teguh kepada nilai-nilai baik.

"Saya agak yakin seorang pemuda yang menonton filem lucah akan naik ghairah dan tidak lagi menghiraukan apa yang beliau lakukan. Beliau hilang pertimbangan, apabila melihat kanak-kanak beliau merogol kanak-kanak itu," katanya.

Perdana Menteri berkata apabila kerajaan cuba mengenakan penapisan, ada pihak yang membantah mendakwa ia bertentangan dengan kebebasan akhbar.

"Apabila kita cuba menapis tayangan filem TV orang kata jangan tapis, tak baik...kebebasan akhbar, kebebasan ini dan itu. Sebelum ini kita tidak mempunyainya," kata beliau.

-- BERNAMA

NM AZZ PR